

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT  
[HULU LANGAT]**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2014**

**SOALAN : 32**

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini program pembangunan stesen Jana Kuasa Nuklear di negara ini dan adakah telah ada kaji selidik dan analisis keputusan yang dilakukan bagi menilai tahap penerimaan rakyat terhadap perkara ini.

**JAWAPAN: (OLEH YB DATO' MAH SIEW KEONG, MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, Kajian Perundangan dan Kawalseliaan Tenaga Nuklear telah siap pada akhir tahun 2013. Hasilnya adalah draf Rang Undang-Undang Kawalseliaan Tenaga Atom untuk menggantikan Akta Pelesenan Tenaga Atom (Akta 304) 1984.

Di samping itu, Kajian Kemungkinan, atau dengan izin, *Feasibility Study*, dan penyediaan Pelan Pembangunan Infrastruktur Kuasa Nuklear, atau dengan izin, *Nuclear Power Infrastructure Development Plan* (NPIDP), pula dijadualkan siap pada tahun 2015.

Kajian pemilihan tapak yang sesuai untuk pelaksanaan loji janakuasa nuklear pula akan hanya dimulakan setelah mengambilkira hasil kajian pendapat umum.

Kajian pendapat umum tersebut bertujuan untuk mengenalpasti pendapat umum dan isu-isu yang dibangkitkan oleh orang awam mengenai penggunaan tenaga nuklear pada peringkat kebangsaan. Kajian ini akan dimulakan dan dijangka siap pada tahun 2015. Hasil kajian ini akan digunakan untuk merangka program penyebaran maklumat yang menepati keperluan maklumat untuk disampaikan kepada masyarakat umum.

Sekian, Terima Kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. ONG KIAN MING  
(SERDANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 17.11.2014**

**Y.B. DR. ONG KIAN MING [ SERDANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jika Kastam akan menyiasat apa-apa kaitan di antara pembunuhan Timbalan Pengarah Kastam, Datuk Shahrudin Ibrahim, dan penyiasatan ke atas sindiket penyeludupan kereta yang berasal dari Langkawi dan sama ada mangsa-mangsa sindiket penyeludupan ini boleh mendapatkan pengecualian daripada duti kastam.

**JAWAPAN**

Setakat ini, masih belum ada bukti yang mengaitkan pembunuhan Timbalan Pengarah Kastam, Datuk Shahrudin Ibrahim dengan

penyiasatan ke atas sindiket penyeludupan kereta yang berasal dari Langkawi. Siasatan sedang dilakukan oleh PDRM.

## **1. Kesalahan Frod**

Dasar dan Tindakan Jabatan ke atas Kesalahan Frod

- i. Sehingga 15 September 2014, sebanyak 271 buah kenderaan telah berjaya disita daripada 349 buah kenderaan yang disyaki melakukan kesalahan frod. Siasatan menunjukkan kenderaan-kenderaan tersebut membatalkan Syarat K dengan menggunakan Borang Kastam 1 yang palsu.
- ii. Penilaian dan taksiran cukai/duti atas kenderaan tersebut telah dilakukan.
- iii. Sementara siasatan dijalankan, kenderaan-kenderaan ini di beri pelepasan di bawah Seksyen 115(1)(a) Akta Kastam 1967 iaitu 10% tunai atau jaminan bank dan 90% bon am daripada nilai cukai kenderaan.
- iv. Keputusan yang dibuat ke atas kenderaan-kenderaan ini adalah

mengutip semula cukai/duti dan tiada kompaun yang akan dikenakan.

v. Tiada rayuan diskaun dibenarkan ke atas cukai/duti yang terlibat ke atas kenderaan tersebut.

vi. Cukai ke atas kenderaan-kenderaan terlibat akan dikutip semula. Sekiranya pemilik gagal membayar cukai terlibat, kenderaan yang telah dilepaskan melalui jaminan akan dirampas semula dan tindakan pendakwaan di mahkamah akan diambil.

vii. Sehingga 15 September 2014, sebanyak 104 daripada 271 buah kenderaan terlibat telah dibayar cukai melibatkan jumlah RM 10.33 Juta.

## **2. Kesalahan Overstay**

### Dasar dan Tindakan Jabatan ke atas Kesalahan Overstay

i. Sehingga 15 September 2014, sebanyak 114 buah kenderaan telah berjaya disita daripada 120 buah kenderaan yang disyaki melakukan kesalahan overstay.

ii. Penilaian dan taksiran cukai/duti atas kenderaan telah dilakukan.

iii. Kompaun RM5,000.00 di bawah Seksyen 138 Akta Kastam 1967

bagi kenderaan yang telah ditahan/dirampas oleh Bahagian Penguatkuasaan, manakala RM1,000.00 di bawah Seksyen 138 Akta Kastam 1967 bagi kes dimana pemilik dengan secara sukarela tampil untuk membayar cukai.

iv. Tiada rayuan diskaun dibenarkan ke atas duti/cukai yang terlibat ke atas kenderaan tersebut.

v. Cukai ke atas kenderaan-kenderaan terlibat akan dikutip semula. Jika pemilik gagal membayar cukai terlibat, kenderaan yang telah dilepaskan melalui jaminan akan dirampas semula dan tindakan pendakwaan di mahkamah akan diambil.

vi. Sehingga 15 September 2014, sebanyak 22 daripada 114 buah kenderaan terlibat telah dibayar cukai melibatkan jumlah RM 7.96 Juta.

### **Pengecualian / Pengurangan Cukai / Duti**

Pengecualian cukai/duti yang terlibat adalah di bawah kuasa Menteri Kewangan sebagaimana yang termaktub di bawah Seksyen 14(2) dan Seksyen 14A

Akta Kastam 1967.

### **Seksyen 14(2) Akta Kastam 1967**

Menteri boleh dalam apa-apa hal tertentu :-

(a) Mengecualikan mana-mana orang daripada membayar keseluruhan atau mana-mana bahagian duti kastam atau apa-apa fee atau caj lain yang ditetapkan yang kena dibayar oleh orang itu ke atas apa-apa barang-barang ; atau

(b) Mengarahkan dibayar balik kepada mana-mana orang keseluruhan atau mana-mana bahagian duti kastam atau apa-apa fee atau caj lain yang ditetapkan yang telah dibayar oleh orang itu ke atas apa-apa barang-barang,

Dan dalam memberi pengecualian sedemikain atau mengarahkan pembayaran balik sedemikian, mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

### **Seskyen 14A Akta Kastam 1967**

Menteri boleh, jika difikirkannya adil dan saksama untuk berbuat demikian, dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang

difikirkannya patut

dikenakan, meremit keseluruhan atau mana-mana bahagian duti kastam atau apa-apa fee atau caj lain yang ditetapkan yang kena dibayar di bawah Akta ini.